



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ● ● ●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA
Pelajar

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [Pendaftar Dilantik Pemangku TNC HEPA](#)

Pendaftar Dilantik Pemangku TNC HEPA



PENDAFTAR Universiti Malaysia Kelantan (UMK), YBhg. Prof. Dr. Razi bin Che Razak, dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), berkuatkuasa pada 1 Julai 2012.

Pelantikan beliau itu bagi menggantikan Mantan Timbalan Naib Canselor HEPA, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, yang tamat tempoh perkhidmatan selepas memegang jawatan itu selama lima tahun.

Sempena pelantikan itu, satu majlis ringkas perbincangan dan nota penyerahan tugas telah berlangsung di pejabat TNC HEPA, pada 17 Julai 2012.

Prof. Dato. Dr. Mortaza adalah staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan dipinjamkan ke UMK sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) pada 1 Jun 2007 sehingga tamat tempoh pelantikan beliau pada 31 Mei 2012 yang lalu.

Beliau kini telah kembali untuk meneruskan tugas di UMP sebagai Profesor di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, Prof. Dato' Dr. Mortaza telah memikul amanah dan tanggungjawab yang amat besar dengan meletakkan UMK di atas landasan yang kukuh sebagai Universiti Keusahawanan di peringkat lokal dan antarabangsa.

Sumbangan beliau amat besar dalam menjenamakan UMK sebagai Universiti Keusahawanan bertaraf serantau dan global.

Sehubungan itu, seluruh warga UMK merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Dato' Dr. Mortaza di

atas jasa dan bakti yang telah disumbangkan sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Timbalan Naib Canselor (HEPA) di UMK.

Sementara itu, warga UMK mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada Prof. Dr. Razi diatas pelantikan sebagai Pemangku Timbalan Naib Canselor (HEPA). Pihak universiti menyatakan komitmen untuk terus memberikan kerjasama erat kepada beliau untuk menjayakan aspirasi dan cita-cita Universiti sebagai peneraju Universiti Keusahawanan sebagai suatu realiti.



Bilangan Pelawat :
297687

[Penafian](#)
|
[Dasar Privasi](#)
|
[Dasar Keselamatan](#)
|
[Soalan Lazim](#)
|
[Hubungi Kami](#)
|
[Bantuan](#)
|
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.